



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 12 TAHUN 1979

LIPUTAN FAEDAH PEKELILING PERKHIDMATAN
BIL. 27/75 KEPADA PEGAWAI-PEGAWAI YANG TELAH
MELETAKKAN JAWATAN SEBELUM 1hb JANUARI, 1973

Tujuan Pekeliling ini ialah untuk melanjutkan faedah di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bil. 27/75 bagi meliputi juga pegawai-pegawai yang telah meletakkan jawatan sebelum 1hb Januari, 1973 tetapi berkhidmat semula dengan Kerajaan.

2. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 27/75 memberi faedah kepada Pegawai-pegawai Kerajaan yang telah meletakkan jawatan pada dan selepas 1-1-1973 untuk tujuan melanjutkan pelajaran bagi tempoh perkhidmatan sebelum mereka meletakkan jawatan itu diambil kira untuk maksud perkiraan faedah pencen tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (i) bahawa mereka telah diberi biasiswa oleh Kerajaan Persekutuan, Negeri atau Badan Berkanun;
- (ii) bahawa biasiswa yang diberi itu telah diterima atau dijanjikan secara bertulis sebelum pegawai meletakkan jawatan atau diberi dengan syarat pegawai meletakkan jawatan terlebih dahulu; dan
- (iii) bahawa selepas menamatkan kursus, pegawai telah terus bekerja semula dengan Kerajaan tanpa diselang oleh perkhidmatan dalam lapangan swasta.

3. Adalah sekarang dipersetujui bagi pegawai-pegawai yang telah meletakkan jawatan *sebelum 1-1-1973* untuk tujuan melanjutkan pelajaran juga layak mendapat faedah di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bil. 27/75 tertakluk kepada mereka memenuhi

syarat-syarat yang dinyatakan di perenggan 2 (i), (ii) dan (iii) di atas. Pegawai-pegawai yang layak mendapat faedah mengikut keputusan ini ialah mereka yang masih berkhidmat dengan Kerajaan dan hanya akan bersara mulai dari atau selepas 1hb September, 1979.

TAN SRI HASHIM BIN AMAN,
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia*

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,
MALAYSIA,
KUALA LUMPUR,

19hb November, 1979